

Lampiran Penerangan Produk - Insurans Perlindungan Penipuan Chubb Elite

Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Perlindungan Penipuan Chubb Elite. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

CHUBB®

1. Apakah produk ini?

Polisi ini dirangka untuk melindungi syarikat anda daripada kerugian yang disebabkan oleh tindakan penipuan atau ketidakjujuran yang dilakukan oleh pekerja anda atau oleh orang lain.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini memberikan perlindungan untuk:

- a. kerugian kewangan langsung yang anda tanggung akibat daripada jenayah dalaman atau jenayah luaran atau kecurian atau kehilangan atau kerosakan fizikal;
- b. kerugian kewangan langsung yang ditanggung oleh pelanggan anda yang diketahui semasa tempoh polisi, atau tempoh penemuan, akibat daripada anda berhadapan dengan peristiwa jenayah dalaman atau jenayah luaran atau kecurian atau kehilangan atau kerosakan fizikal dan yang anda mempunyai tanggungjawab pemeliharaan, jagaan dan kawalan terhadap wang, sekuriti atau harta mana-mana pelanggan;
- c. yuran juruaudit yang munasabah atau kos penyiasatan yang anda tanggung dengan persetujuan bertulis kami terlebih dahulu untuk mengenal pasti dan mengukur kerugian yang dilindungi oleh polisi ini;
- d. bayaran undang-undang munasabah yang anda tanggung dengan persetujuan bertulis kami terlebih dahulu untuk mempertahankan sebarang permintaan, tuntutan atau prosiding undang-undang yang disebabkan oleh kerugian yang dilindungi oleh polisi ini.

Polisi ini boleh dilanjutkan untuk melindungi:

- a. Penalti Kontrak;
- b. Manfaat yang akan anda terima atau manfaat yang wajib anda bayar di sisi undang-undang kepada pelanggan kerana kerugian yang dilindungi;
- c. Perbelanjaan Perhubungan Awam;
- d. Penyumberan luar: kehilangan wang, sekuriti atau harta anda akibat daripada kerugian yang dilakukan oleh pekerja mana-mana syarikat penyumberan luar yang menyediakan perkhidmatan senarai gaji, pengkomputeran atau perakaunan untuk anda;
- e. Peras ugut: kehilangan wang, sekuriti, atau harta yang anda bayar akibat daripada ancaman untuk mencederakan pengarah, pekerja, rakan kongsi atau saudara pengarah, pekerja atau rakan kongsi atau untuk melakukan jenayah komputer atau rangkaian.
- f. Pindahan Dana Salah

Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

Nota: Penerangan mengenai perlindungan yang tersedia hanya sebagai ringkasan untuk rujukan pantas dan mudah. Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lengkap perlindungan/manfaat di bawah Polisi ini.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada beberapa faktor termasuk tetapi tidak terhad kepada had liabiliti, pengalaman tuntutan, pendedahan risiko dan keperluan pengunderaitan kami.

4. Apa yang perlu saya bayar selain daripada Premium?

- Duti setem - RM10
- Cukai Perkhidmatan (CP)(jika berkenaan) - Kadar CP berkenaan yang dikenakan oleh Kerajaan
- Komisen yang dibayar (termasuk dalam premium) kepada Perantara Insurans (jika ada) - maksimum sehingga 25% daripada premium.

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu diambil perhatian?

- Kepentingan pendedahan

Tanggungjawab anda kepada kami untuk Polisi Insurans bukan Pengguna

Sekiranya Polisi ini bukan Polisi Insurans Pengguna, sebelum kontrak Polisi ini dibuat, diubah atau diperbaharui, Anda mempunyai tanggungjawab untuk mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara yang:

- (a) Anda tahu adalah relevan dengan keputusan Kami sama ada menerima risiko atau tidak serta kadar dan syarat yang akan dikenakan; atau
- (b) seseorang yang wajar dalam keadaan itu dijangka akan mengetahui perkara yang relevan.

“Polisi Insurans Pengguna” bermaksud kontrak insurans yang dibuat, diubah atau diperbaharui oleh seseorang untuk tujuan peribadi sahaja yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion individu tersebut.

Polisi Insurans bukan Pengguna ialah polisi selain daripada Polisi Insurans Pengguna.

- Anda mesti memaklumkan kepada kami dengan segera jika:
 - satu atau lebih perniagaan anda bergabung dengan perniagaan lain;
 - sesiapa memperoleh lebih daripada dua puluh lima peratus (25%) saham undian bagi mana-mana perniagaan anda;
 - pentadbir, penerima atau penyelesaian dilantik untuk mana-mana daripada anda.
- Kami secara automatik akan melanjutkan perlindungan selama tiga puluh (30) hari bagi mana-mana syarikat yang baru diambil alih atau dibentuk dari tarikh pengambilalihan atau penubuhan dengan syarat mana-mana syarikat tersebut dikendalikan oleh anda. Untuk meneruskan perlindungan, anda mesti memaklumkan kepada kami secara bertulis dalam tempoh tiga puluh (30) hari, mengenai apa-apa pengambilalihan atau pembentukan untuk perjanjian bertulis kami, jika hasil tahunan kasar mana-mana syarikat tersebut melebihi dua puluh lima peratus (25%) daripada hasil tahunan kasar yang anda isytiharkan kepada kami dalam borang cadangan atau seperti yang dinyatakan dalam laporan tahunan terkini, mana-mana yang terkemudian.
- Terdapat jumlah yang boleh ditolak (deduktibel) / lebihan yang perlu anda tanggung sebelum kami membayar tuntutan. Perkara ini diperuntukkan dalam jadual polisi.

Perkara di atas adalah ringkasan sebahagian terma dan syarat utama polisi dan adalah tidak lengkap. Sila baca kontrak polisi untuk keseluruhan terma dan syarat insurans ini.

6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian yang merangkumi atau yang disebabkan oleh:-

- denda, penalti atau ganti rugi yang anda tanggung di sisi undang-undang kecuali ganti rugi pampasan yang timbul daripada kerugian yang dilindungi oleh insurans ini dan, hanya apabila anda telah memilih perlindungan lanjutan tersebut.
- apa-apa kerugian yang anda ketahui sebelum tempoh polisi bermula.
- kerugian yang disebabkan oleh atau melibatkan mana-mana orang yang mengawal perniagaan anda secara aktif pada masa kerugian itu dialami.
- kerugian yang disebabkan oleh pekerja selepas anda mengetahui bahawa mereka telah melakukan tindakan penipuan, ketidakjujuran, atau kerosakan jenayah. Pengecualian ini tidak terpakai jika orang yang mengetahui tindakan tersebut bersubahat dengan pekerja.
- apa-apa kos dan perbelanjaan penarikan balik.
- kerosakan atau kemusnahan mana-mana premis atau kandungan, lekapan atau kelengkapan di dalam premis, atau kerugian akibat kebakaran, banjir atau gempa bumi.
- kerugian tidak langsung atau kerugian turutan termasuk tetapi tidak terhad kepada pendapatan atau keuntungan, selain daripada yang dipersetujui di bawah perlindungan lanjutan.
- kehilangan maklumat sulit, walaupun kami akan melindungi kerugian apabila maklumat sulit telah digunakan untuk membantu melaksanakan tindakan yang dilindungi oleh insurans ini.
- kerugian yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada apa-apa pengaturan kredit, perakaunan palsu, perdagangan sekuriti, komoditi, niaga hadapan, opsyen, mata wang, pertukaran mata wang asing atau seumpamanya melainkan kerugian tersebut berlaku akibat daripada jenayah dalaman, yang mengakibatkan pekerja atau orang atau organisasi lain bersubahat dengan pekerja tersebut dalam meraih keuntungan kewangan secara salah selain daripada gaji, komisen, yuran, bonus, kenaikan pangkat, hadiah, pembahagian keuntungan, pencen atau apa-apa faedah pekerjaan lain.
- apa-apa kerugian yang disebabkan oleh pekerja melainkan yang dilindungi di bawah jenayah dalaman.

Senarai ini tidak lengkap dan tidak terpakai untuk semua seksyen. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan Polisi ini dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, apa-apa pengembalian premium adalah berdasarkan syarat yang ditetapkan dalam kontrak polisi.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat pertukaran pada butiran hubungan saya?

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami tentang apa-apa pertukaran dalam butiran hubungan anda untuk memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masa.

9. Dari mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Polisi Insurans Perlindungan Penipuan Chubb Elite, anda boleh menghubungi perantara insurans anda, atau menghubungi kami di cawangan kami di seluruh negara atau di:

Chubb Insurance Malaysia Berhad
No. Pendaftaran: 197001000564 (9827-A)
Wisma Chubb
38 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
T +6 03 2058 3000
F +6 03 2058 3333
E Inquiries.MY@chubb.com
W www.chubb.com/my

10. Perlindungan insurans serupa lain yang tersedia

Tiada

NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG SESUAI. ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA POLISI INSURANS INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DAN PREMIUM YANG PERLU DIBAYAR DI BAWAH POLISI INI ADALAH JUMLAH YANG MAMPU ANDA BAYAR. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PERANTARA INSURANS ATAU MENGHUBUNGI CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diperuntukkan dalam helaian pendedahan ini adalah ringkasan untuk rujukan pantas dan mudah. Terma dan syarat tepat yang berkenaan dinyatakan dalam kontrak polisi.

Helaian pendedahan produk ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Sekiranya terdapat pertikaian antara versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris hendaklah digunakan.

Sila maklum bahawa:

- anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memberikan semua maklumat yang relevan kepada kami atau perantara kami agar kami dapat menyediakan produk kewangan yang paling sesuai kepada anda. Sekiranya anda menyembunyikan sebarang maklumat yang kami atau perantara kami minta, atau memberikan maklumat yang tidak tepat, kami mungkin tidak dapat mengesyorkan produk kewangan yang sesuai kepada anda untuk memenuhi keperluan anda;
- anda hendaklah membaca dan memahami syarat kontrak dan berbincang lebih lanjut dengan kami atau perantara kami jika terdapat syarat yang tidak difahami, sebelum menerima kontrak polisi.

Dengan menerima kontrak polisi, anda memperakui bahawa perantara atau pegawai Chubb telah menerangkan kepada anda dengan jelas mengenai perlindungan kontrak polisi dan syarat-syarat kontrak utama, dan bahawa kontrak polisi yang ditawarkan sesuai untuk keperluan insurans anda.

Maklumat yang diperuntukkan dalam helaian pendedahan produk ini adalah sah pada 01/06/2024.

CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).